



KENYATAAN AKHBAR KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

SITUASI SEMASA JANGKITAN PENYAKIT CORONAVIRUS 2019 (COVID-19) DI MALAYSIA 16 OKTOBER 2021

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) ingin memaklumkan status terkini kes COVID-19 di Malaysia sehingga 16 Oktober 2021 (jam 12:00 tengah hari);

- Kes sembuh : **9,531 kes** (2,261,289 kes kumulatif, 94.8%);
- Kes baharu : **7,509 kes** (2,384,542 kes kumulatif);
- Kes import : **16 kes** (8 warganegara; 8 bukan warganegara);
- Kes tempatan : **7,493 kes** [6,967 warganegara (93.0%); 526 bukan warganegara (7.0%)];
- Kes yang memerlukan rawatan di Unit Rawatan Rapi (ICU) : **695 kes** (630 kes disahkan COVID-19 ; 65 kes disyaki, kemungkinan, dan kes dalam siasatan) ;
- Kes memerlukan bantuan pernafasan : **347 kes** (281 kes disahkan COVID-19 ; 66 kes disyaki, kemungkinan, dan kes dalam siasatan)
- Jumlah kluster : **5,663 kluster**;

- Jumlah kluster baharu : **9 kluster**;
- Jumlah kluster yang telah tamat : **4,961 kluster**; dan
- Jumlah kluster aktif : **702 kluster**.

Daripada **7,509 kes** harian yang dilaporkan pada hari ini;

- **116 kes (1.5 peratus)** adalah kategori 3, 4, dan 5; dan
- **7,393 kes (98.5 peratus)** lagi adalah terdiri daripada kategori 1 dan 2.

Perincian kluster-kluster baharu dan nilai R_T mengikut negeri adalah seperti di Lampiran 1 dan 2 yang disertakan bersama kenyataan media ini. Manakala, maklumat terperinci lain berkenaan situasi semasa jangkitan dan penularan COVID-19 di Malaysia akan dimuatnaik ke laman web COVIDNOW di <https://covidnow.moh.gov.my>. Data akan dikemaskini pada jam 12:00 tengah malam setiap hari.

NASIHAT KESIHATAN BERKAITAN COVID-19

KKM ingin menasihati orang ramai termasuk individu-individu yang telah menerima vaksin COVID-19 agar terus mematuhi saranan serta nasihat-nasihat kesihatan yang sering ditekankan iaitu;

- **Elakkan 3S:** (elakkan kawasan yang **sesak, sempit** dan **sempang** dengan jarak yang dekat).
- **Amalkan 3W:** (Amalkan **Wash, Wear** dan **Warn**).
- Sentiasa memakai pelitup muka di kawasan awam yang tertutup. Pemakaian pelitup muka berganda adalah digalakkan.

Patuhlah kepada S.O.P sebagai norma baharu dan dapatkan vaksin COVID-19 bagi mengurangkan risiko jangkitan yang serius, bilangan kes kematian sekaligus membina imuniti kelompok. Dengan pengambilan vaksin, kita dapat melindungi orang di sekeliling daripada kemungkinan jangkitan COVID-19. Dengan imuniti kelompok yang terbentuk, kumpulan yang belum layak diberi imunisasi seperti kanak-kanak dapat dilindungi. Perlindungan untuk semua bermula daripada diri kita.

KKM akan terus memantau perkembangan kejadian jangkitan di dalam negara, dan juga luar negara melalui maklumat yang diperolehi daripada pihak WHO. KKM akan memastikan langkah

pencegahan dan kawalan yang sewajarnya dilaksanakan secara berterusan.

Sekian, terima kasih.

TAN SRI DATO' SERI DR. NOOR HISHAM ABDULLAH
KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA

16 Oktober 2021 @ 6:30 petang.

LAMPIRAN 1**KLUSTER-KLUSTER BAHARU YANG DILAPORKAN DI MALAYSIA
PADA 16 OKTOBER 2021**

NO	NAMA KLUSTER	KATEGORI KLUSTER	NEGERI	DAERAH	JUMLAH KES	JUMLAH DISARING
1	Industri Jalan Idaman Tiga	Tempat Kerja	Johor	Kulai	7	170
2	Batu Tiga Kluang	Tempat Kerja	Johor	Kluang	46	264
3	Industri Bunga Tanjung Dua 2	Tempat Kerja	Negeri Sembilan	Seremban dan Rembau	22	252
4	Industri Dua Jalan Bestari Satu	Tempat Kerja	Selangor	Klang	26	53
5	Kampung Sekolah Juru	Pendidikan Lain	Pulau Pinang	Seberang Perai Tengah	11	49
6	Dah Bukit Berangan	Pendidikan Lain	Kedah	Padang Terap	48	50
7	Jalan Hospital Lati	Institusi Pendidikan KPM	Kelantan	Pasir Mas	9	13
8	Bukit Sapi	Komuniti	Perak	Hulu Perak	18	23
9	Jalan Denai Dua	Kumpulan Berisiko Tinggi	Johor	Johor Bahru	30	38

LAMPIRAN 2**NILAI R_T MENGIKUT NEGERI
BERDASARKAN KES YANG DILAPORKAN
PADA 15 OKTOBER 2021**

NEGERI	NILAI R_T
WP PUTRAJAYA	1.04
NEGERI SEMBILAN	1.03
WP KUALA LUMPUR	0.97
PERLIS	0.96
KELANTAN	0.96
TERENGGANU	0.92
MELAKA	0.92
SELANGOR	0.91
SABAH	0.88
PULAU PINANG	0.85
PAHANG	0.84
JOHOR	0.84
KEDAH	0.84
PERAK	0.80
SARAWAK	0.76
WP LABUAN	0
MALAYSIA	0.87